

Kata Kunci:
Adab
Akhlaq
Gembira
Nilai



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

3 April 2026 / 14 Syawal 1447H

Adab Bergembira Dalam Islam

أَحْمَدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ. أَشْهَدُ أَنْ
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا
عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ. قَالَ تَعَالَى فِي التَّزْوِيلِ: قُلْ بِفَضْلِ اللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِ فَبِذَلِكَ
فَلْيَفْرَحُوا هُوَ خَيْرٌ مِمَّا يَجْمَعُونَ.

Zumratal mukminin rahimakumullah,

Marilah kita bertakwa kepada Allah s.w.t. dengan sebenar-benar takwa. Taati segala perintah-Nya dan jauhi segala larangan-Nya. Cerminkan ketakwaan melalui perbuatan serta **akhlaq** kita. Dengan berbekalkan **akhlaq** mulia, semoga Allah s.w.t. mengurniakan kita kehidupan yang baik serta pengakhiran yang lebih baik di sisi-Nya. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah, kita kini berada di pertengahan bulan Syawal. Bulan yang sinonim dengan kemenangan, kesyukuran dan

kegembiraan. Telah menjadi satu tradisi masyarakat kita, bulan Syawal ini dimanfaatkan untuk memperbaiki dan memperkukuhkan hubungan serta menyebarkan **kegembiraan** dan ihsan. Amalan mulia ini boleh dilihat sebagai kesinambungan ajaran sunnah Rasulullah s.a.w. untuk menzahirkan **kegembiraan** pada hari perayaan.

Benar saudara, **bergembira** adalah fitrah dan satu sunnah, terutama sekali bagi seorang Mukmin apabila dia menerima anugerah Allah. Atas dasar ini, Allah memerintahkan kita untuk **bergembira**. Firman-Nya dalam Surah Yunus, ayat 58 yang dibacakan pada awal khutbah tadi bermaksud:

*“Katakanlah (wahai Muhammad), ‘Dengan kurnia Allah dan rahmat-Nya, hendaklah dengan itu mereka **bergembira**. (Kurnia Allah dan rahmat-Nya) itu adalah lebih baik daripada apa yang mereka kumpulkan (kekayaan dan isi dunia).”*

Saudara sekalian,

Begitu indah panduan Islam yang merangkumi segenap aspek kehidupan. Kita dianjurkan untuk **bergembira** pada masa yang sesuai. Dalam suasana **bergembira**, terdapat juga **adab-adabnya**. Menurut para ulama, **kegembiraan** insan terbahagi kepada tiga jenis: **Kegembiraan** yang terpuji, **kegembiraan** yang dibenarkan dan **kegembiraan** yang tercela.

Kegembiraan yang terpuji adalah rasa syukur seorang mukmin atas nikmat iman dan hidayah daripada Allah, serta

peluang untuk melakukan ketaatan, menyempurnakan ibadah dan amal kebaikan. **Kegembiraan** yang mendekatkan dirinya kepada keredaan Allah – itulah **kegembiraan** yang terpuji.

Manakala **kegembiraan yang dibenarkan** adalah **kegembiraan** dan rasa senang apabila menerima sesuatu nikmat dan kelebihan. Contohnya, seperti sekarang ini, kita bergembira kerana diberikan usia dan kesihatan saling ziarah menziarahi sanak-saudara. Jika diiringi sifat syukur, ia juga menjadi suatu bentuk **kegembiraan** yang terpuji.

Seterusnya, **kegembiraan yang dikeji** pula adalah **kegembiraan** yang menjurus kepada kelalaian. Ia berlaku apabila seseorang terlalu berlebih-lebihan dengan nikmat dan keseronokan dunia, sehingga perilakunya terpesong jauh daripada keredaan Tuhan. Ini termasuk **bergembira** dengan cara yang melampaui batas agama, terutama dalam bulan-bulan kebesaran Islam seperti Ramadan dan Syawal.

Saudara yang saya kasihi,

Dengan penjelasan ini, ayuh kita renungkan – *bagaimana reaksi kita apabila memperoleh nikmat dan kelebihan? Adakah kita terus mempamerkan **adab** yang mulia, atau kita mudah terbawa-bawa dengan suasana **kegembiraan** yang melalaikan?*

Di sini, mimbar ingin berkongsi tiga panduan agama dalam melayari suasana **gembira** di bulan Syawal.

Pertama: Nilai kesederhanaan dalam bergembira

Apabila kita rasa **gembira**, gandingkanlah ia dengan kesederhanaan sebagai tanda kesyukuran. Elak berbelanja lebih daripada kemampuan, sama ada dari sudut makanan, pakaian dan perhiasan. Allah s.w.t. telah berpesan dalam Surah Al-A'raf, ayat ke-31:

وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴿٣١﴾

Yang bermaksud: *“Dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu berlebihan; sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan.”*

Begitu pula dengan hiburan. Islam mengharuskan kita berhibur, namun ada panduan serta **adabnya** bagi mereka yang beriman. Saudaraku, elakkanlah daripada membiasakan diri dan ahli keluarga kita berhibur dengan cara yang tidak selari dengan panduan agama. Dewasa ini pula, pelbagai jenis hiburan lahir di wadah maya atau dalam talian. Ada yang baik sebagai hiburan, namun tidak kurang juga yang ketandusan **nilai adab** dan kesopanan, bercanggah dengan syarak, serta tidak sesuai dengan bulan-bulan mulia seperti Ramadan dan Syawal.

Ingatlah, walaupun ada yang mungkin bertanggung bahuwa Aidilfitri adalah perayaan yang dibentuk oleh budaya setempat, ia pada hakikatnya adalah perayaan yang disyariatkan Islam.

Oleh itu, usahlah kita membelakangkan panduan serta bimbingan agama dalam perayaan kita.

Ini membawa kepada perkara yang **kedua: Menjaga akhlak dan adab kita**

Ini merangkumi pertuturan, kelakuan dan pakaian kita. Ketika saling menziarahi, tuturkanlah hal-hal yang baik dan hindari perbualan yang boleh mengguris hati. Saling hormat menghormati antara yang tua dan yang muda. Berpakaianlah secara sopan dan jagalah pandangan. Inilah cara kita menjaga **nilai** maruah dan kehormatan diri sendiri serta saudara kita.

Ketiga: Kesedaran rohani yang berterusan

Saudara, dalam kita **bergembira** pada musim perayaan, usahlah kita lupa bahawa Syawal juga merupakan peluang untuk meneruskan ketaatan. Oleh itu, Rasulullah s.a.w. amat menggalakkan kita berpuasa enam hari di bulan ini. Semangat meneruskan amalan ini harus diluaskan pada amalan lain, seperti berzikir dan membaca Al-Quran, bersedekah serta menjaga solat pada waktunya walaupun kita disibukkan dengan aktiviti Hari Raya.

Saudara yang dirahmati Allah,

Teruskanlah menghidupkan **nilai-nilai** serta **akhlak** yang baik yang telah kita pupuk sepanjang bulan puasa. Ramadan mungkin telah berakhir, namun pintu rahmat Allah masih terbuka

luas, manakala malaikat terus mencatat setiap kebaikan dan keburukan yang kita lakukan.

Oleh itu, marilah kita jadikan bulan Syawal ini medan melebarkan ihsan dan memperbanyakkan pahala, berbekalkan **adab** dan **akhlak** yang diajarkan agama. Semoga Allah s.w.t. merahmati diri kita, ahli keluarga serta masyarakat kita. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَى عَنْهُ وَزَجَرَ.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللَّهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارِضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنَّا مَعَهُمْ وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا رَحِيمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالرُّلَازِلَ وَالْمِحْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنِ بَلَدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبُلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعِفِينَ فِي عَزَّةٍ وَفِي فِلِسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ عَامَّةً، يَا رَحِيمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ بَدِّلْ خَوْفَهُمْ أَمْنًا، وَحُزْنَهم فَرَحًا، وَهَمَّهُمْ فَرَجًا، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اكْتُبِ السَّلَامَ وَالْأَمْنَ وَالْأَمَانَ لِلْعَالَمِ كُلِّهِ

وَلِلنَّاسِ أَجْمَعِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً، وَقِنَا عَذَابَ
النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَا تَكْفُرْ
اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.